



26 Februari 2019  
26 February 2019  
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN  
DAN KEMATIAN 2019

*BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 2019

---

SUSUNAN KAEDAH

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN KELAHIRAN

2. Pendaftaran kelahiran
3. Permohonan bagi pendaftaran lewat kelahiran
4. Pendaftaran atau perubahan nama
5. Pendaftaran semula kelahiran orang disahtarafkan

BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN KEMATIAN

6. Pendaftaran kematian
7. Pendaftaran lewat kematian
8. Pendaftaran anggapan kematian
9. Perakuan dan pemeriksaan *post-mortem* oleh pengamal perubatan

BAHAGIAN IV  
INDEKS

10. Indeks catatan dalam daftar kelahiran

Kaedah

11. Indeks catatan dalam daftar kematian

BAHAGIAN V  
CARIAN DAN SIJIL YANG DIPERAKUI

12. Carian dalam daftar atau indeks
13. Sijil yang diperakui

BAHAGIAN VI  
PEMBETULAN DAN PENGUBAHAN DALAM DAFTAR

14. Pembetulan kesilapan perkeranian
15. Pembetulan kesilapan fakta atau isi
16. Pembatalan pendaftaran

BAHAGIAN VII  
PELBAGAI

17. Simbol, catatan atau tanda
18. Pembatalan
19. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 39 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2019.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN KELAHIRAN

**Pendaftaran kelahiran**

2. (1) Maklumat berkenaan dengan—

(a) kelahiran tiap-tiap kanak-kanak atau tiap-tiap kanak-kanak baru lahir yang hidup yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam Borang JPN.LM01 Jadual Pertama; atau

(b) kelahiran mati tiap-tiap kanak-kanak hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam Borang JPN.LM01-LM Jadual Pertama.

- (2) Borang itu hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:
- (a) dokumen pengenalan diri pemberitahu;
  - (b) dokumen pengenalan diri ibu kanak-kanak itu, kecuali dalam hal kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan;
  - (c) dokumen pengenalan diri bapa kanak-kanak itu, jika ada; dan
  - (d) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemberitahu.

(3) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, dia hendaklah mengeluarkan, kepada pemberitahu—

- (a) Sijil Kelahiran dalam Borang JPN.LM05 Jadual Pertama, dalam hal kelahiran hidup atau kanak-kanak baru lahir yang hidup yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan; atau
- (b) Sijil Lahir Mati dalam Borang JPN.LM06 Jadual Pertama, dalam hal kelahiran mati.

### **Permohonan bagi pendaftaran lewat kelahiran**

3. (1) Bagi maksud pendaftaran lewat kelahiran di bawah seksyen 12 Akta, pemberitahu hendaklah memperoleh kelulusan bertulis daripada Pendaftar Besar—

- (a) dengan memberikan kepada Pendaftar Besar—
  - (i) dua akuan berkanun yang diikrarkan oleh dua orang yang berlainan, selain orang yang meminta untuk didaftarkan

dan pemberitahu itu, berkenaan dengan pengetahuan mereka mengenai kelahiran kanak-kanak itu;

(ii) dokumen yang disebut dalam perenggan 2(2)(a), (b) dan (c); dan

(iii) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemberitahu; dan

(b) dengan membayar fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Kedua.

(2) Jika Pendaftar Besar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, Pendaftar Besar hendaklah membenarkan kelahiran itu didaftarkan dan mengeluarkan Sijil Kelahiran kepada pemberitahu.

#### **Pendaftaran atau pengubahan nama**

4. Permohonan bagi pendaftaran atau pengubahan nama di bawah seksyen 15 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JPN.LM21 Jadual Pertama dan disertakan dengan—

(a) bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 2, 3 atau 4 Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) dokumen yang berikut:

(i) salinan asal Sijil Kelahiran atau salinan Sijil Kelahiran yang diperakui sah kanak-kanak yang namanya hendak didaftarkan atau diubah, atau orang yang namanya hendak didaftarkan;

(ii) dokumen pengenalan diri pemohon;

- (iii) suatu akuan berkanun yang diikrarkan oleh pemohon; dan
- (iv) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemohon.

### **Pendaftaran semula kelahiran orang disahtarafkan**

5. (1) Permohonan bagi pendaftaran semula kelahiran seseorang yang menjadi orang disahtarafkan di bawah seksyen 17 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JPN.LM01-ST Jadual Pertama dan disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) dokumen pengenalan diri pemohon;
- (b) salinan asal Sijil Kelahiran orang disahtarafkan itu;
- (c) dokumen pengenalan diri ibu dan bapa orang disahtarafkan itu;
- (d) perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah yang kompeten di Malaysia mengenai kesahtarafan orang itu; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemohon.

(2) Jika Pendaftar Besar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, Pendaftar Besar hendaklah mengeluarkan Sijil Kelahiran baharu dalam Borang JPN.LM05 Jadual Pertama kepada pemohon.

(3) Jika permohonan bagi pendaftaran semula di bawah subkaedah (1) dibuat selepas habis tempoh tiga bulan dari tarikh perkahwinan, Pendaftar Besar hendaklah membenarkan pendaftaran semula hanya apabila fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 5 Jadual Kedua dibayar.

BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN KEMATIAN

**Pendaftaran kematian**

6. (1) Maklumat berkenaan dengan kematian tiap-tiap orang hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam Borang JPN.LM02 Jadual Pertama dan disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) dokumen pengenalan diri pemberitahu;
- (b) dokumen pengenalan diri si mati, jika ada;
- (c) jika dokumen pengenalan diri si mati tidak dapat dikesan, suatu pernyataan yang ditandatangani oleh pemberitahu;
- (d) suatu perakuan penyebab kematian yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan di bawah seksyen 22 Akta, jika ada; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemberitahu.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Sijil Kematian kepada pemberitahu dalam Borang JPN.LM03 Jadual Pertama.

**Pendaftaran lewat kematian**

7. (1) Bagi maksud pendaftaran lewat kematian di bawah seksyen 21 Akta, pemberitahu hendaklah memperoleh kebenaran bertulis daripada Pendaftar Besar—

- (a) dengan memberikan kepada Pendaftar Besar—

- (i) dua akuan berkanun yang diikrarkan oleh dua orang yang berlainan selain pemberitahu berkenaan dengan pengetahuan mereka mengenai kematian itu;
  - (ii) dokumen yang disebut dalam perenggan 6(1)(a), (b), (c) dan (d); dan
  - (iii) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemberitahu; dan
- (b) dengan membayar fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Kedua.

(2) Jika Pendaftar Besar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, Pendaftar Besar hendaklah mengeluarkan suatu kebenaran bertulis bagi kematian itu didaftarkan dan mengeluarkan Sijil Kematian kepada pemberitahu.

### **Pendaftaran anggapan kematian**

8. (1) Maklumat berkenaan dengan anggapan kematian orang yang hilang hendaklah diberikan kepada Pendaftar dalam Borang JPN.LM02-AM Jadual Pertama dan disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) perintah anggapan kematian yang dikeluarkan oleh mahkamah di Malaysia; dan
- (b) dokumen pengenalan diri orang yang kepadanya perintah itu diberikan.

(2) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa maklumat dan dokumen yang diberikan adalah tepat, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Sijil Anggapan Kematian kepada pemohon dalam Borang JPN.LM03-AM Jadual Pertama.

**Perakuan dan pemeriksaan *post-mortem* oleh pengamal perubatan**

9. Perakuan bagi maksud seksyen 22 dan 23 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JPN.LM09 dan JPN.LM10 Jadual Pertama masing-masing.

BAHAGIAN IV

INDEKS

**Indeks catatan dalam daftar kelahiran**

10. Indeks catatan dalam daftar kelahiran hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama kanak-kanak (atau nama bapa atau ibu jika kanak-kanak itu didaftarkan tanpa nama);
- (b) jantina kanak-kanak;
- (c) tarikh (hari, bulan dan tahun) kelahiran kanak-kanak itu;
- (d) kawasan pendaftaran;
- (e) pusat pendaftaran; dan
- (f) Nombor Sijil (Daftar).

**Indeks catatan dalam daftar kematian**

11. Indeks catatan dalam daftar kematian hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama si mati;
- (b) jantina si mati;
- (c) umur si mati;

- (d) tarikh kematian (sekurang-kurangnya tahun) si mati;
- (e) kawasan pendaftaran;
- (f) pusat pendaftaran; dan
- (g) Nombor Sijil (Daftar).

BAHAGIAN V  
CARIAN DAN SIJIL YANG DIPERAKUI

**Carian dalam daftar atau indeks**

12. (1) Permohonan bagi carian dalam daftar atau indeks hendaklah dibuat—
- (a) berkenaan dengan kelahiran atau kelahiran mati, dalam Borang JPN.LM12 Jadual Pertama; dan
  - (b) berkenaan dengan kematian atau anggapan kematian, dalam Borang JPN.LM13 Jadual Pertama.
- (2) Permohonan itu hendaklah disertakan dengan—
- (a) bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 6 Jadual Kedua;
  - (b) dokumen pengenalan diri pemohon; dan
  - (c) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menentusahkan tujuan carian itu dibuat.
- (3) Keputusan carian hendaklah diberikan dalam Borang JPN.LM14 Jadual Pertama.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), Pendaftar Besar boleh mengeluarkan suatu sijil yang diperakui kepada pemohon dalam Borang JPN.LM15, Borang JPN.LM16 atau Borang JPN.LM16-AM Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila fi yang dinyatakan dalam butiran 7 Jadual Kedua dibayar oleh pemohon.

### **Sijil yang diperakui**

13. (1) Permohonan bagi apa-apa sijil yang diperakui di bawah subseksyen 32(1) Akta hendaklah dibuat dalam Borang JPN.LM12 atau Borang JPN.LM13 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan—

- (a) bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 7 Jadual Kedua;
- (b) dokumen pengenalan diri pemohon; dan
- (c) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menentusahkan tujuan permohonan itu.

(3) Jika permohonan itu dibenarkan, Penguasa Pendaftar boleh mengeluarkan suatu sijil yang diperakui kepada pemohon dalam Borang JPN.LM15, Borang JPN.LM16 atau Borang JPN.LM16-AM Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **BAHAGIAN VI**

### **PEMBETULAN DAN PENGUBAHAN DALAM DAFTAR**

#### **Pembetulan kesilapan perkeranian**

14. (1) Bagi maksud pembetulan kesilapan perkeranian di bawah subseksyen 27(2) Akta, Pendaftar Besar boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan maklumat kepada Pendaftar Besar sebelum mengarahkan apa-apa pembetulan dibuat kepada daftar oleh Penguasa Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk memberikan maklumat di bawah subkaedah (1) hendaklah memberikan maklumat dalam Borang JPN.LM21 Jadual Pertama.

(3) Selepas pembetulan dibuat kepada daftar, Pendaftar Besar boleh menghendaki sama ada—

(a) orang yang daftarnya itu dibetulkan; atau

(b) orang yang kepadanya telah dikeluarkan Sijil Lahir Mati, Sijil Kelahiran, Sijil Kematian atau Sijil Anggapan Kematian, mengikut mana-mana yang berkenaan,

untuk menyerahkan sijil itu dan salinannya yang diperakui, jika ada, dalam milikan orang itu kepada Pendaftar Besar.

(4) Apabila sijil itu dan salinannya yang diperakui diserahkan kepada Pendaftar Besar, Pendaftar Besar hendaklah mengeluarkan sijil baharu dalam Borang JPN.LM15, Borang JPN.LM16 atau Borang JPN.LM16-AM Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Pembetulan kesilapan fakta atau isi**

15. (1) Permohonan untuk membetulkan apa-apa kesilapan fakta atau isi dalam mana-mana daftar hendaklah dibuat dalam Borang JPN.LM21 Jadual Pertama.

(2) Permohonan hendaklah disertakan dengan—

(a) bayaran fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 8 Jadual Kedua;

(b) dokumen pengenalan diri pemohon;

- (c) Sijil Lahir Mati, Sijil Kelahiran, Sijil Kematian atau Sijil Anggapan Kematian orang yang daftarnya mengandungi kesilapan fakta atau isi, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (d) suatu akuan berkanun yang dikehendaki di bawah seksyen 27 Akta; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar Besar untuk menyokong ketepatan maklumat yang diberikan oleh pemohon.

(3) Selepas pembedulan dibuat kepada daftar, Pendaftar Besar hendaklah menghendaki pemohon untuk menyerahkan sijil itu dan salinannya yang diperakui, jika ada, yang berada dalam milikan pemohon kepada Pendaftar Besar.

(4) Apabila sijil itu dan salinannya yang diperakui diserahkan kepada Pendaftar Besar, Pendaftar Besar hendaklah mengeluarkan sijil baharu dalam Borang JPN.LM15, Borang JPN.LM16 atau Borang JPN.LM16-AM Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Pembatalan pendaftaran**

16. (1) Pada pengakhiran siasatan di bawah seksyen 37B Akta, Pendaftar Besar boleh membatalkan sesuatu pendaftaran jika dia mendapati bahawa pendaftaran itu diperolehi melalui fraud, salah nyataan atau kesilapan.

(2) Pendaftar Besar boleh menghendaki mana-mana orang yang memiliki sesuatu sijil atau salinannya yang diperakui bagi mana-mana pendaftaran yang telah dibatalkan di bawah subkaedah (1) untuk menyerahkan sijil itu kepada Pendaftar Besar.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

**Simbol, catatan atau tanda**

17. Pendaftar Besar boleh memasukkan apa-apa simbol, catatan atau tanda dalam mana-mana sijil yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini jika kemasukan itu difikirkan perlu oleh Pendaftar Besar.

**Pembatalan**

18. Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1958 [*L.N. 225/1958*] dibatalkan.

**Kecualian dan peralihan**

19. (1) Apabila Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, semua permohonan, kelulusan dan pendaftaran yang belum selesai hendaklah diuruskan mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa garis panduan yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah terus terpakai setakat yang garis panduan itu tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.



<b>B. MAKLUMAT PENYAMBUK KELAHIRAN/INFORMATION OF THE PERSON WHO DELIVERS THE BABY</b>					
11. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width: 100%;" type="text"/>			13. Nama Penuh/Full Name ..... .....		
12. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width: 100%;" type="text"/>			Tandatangan dan Cop Rasmi Doktor/Ketua Jururawat/Bidan/Orang yang menyambut kelahiran/Pihak Berkuasa Hospital atau Klinik) Signature and Official Seal of Doctor/ Matron/ Midwife/ The person who delivers the baby/Hospital or Clinic Authority		
<b>C. MAKLUMAT IBU/INFORMATION OF THE MOTHER</b>					
14. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width: 100%;" type="text"/>			15. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width: 100%;" type="text"/>		
16. Nama Penuh/Full Name <input style="width: 100%;" type="text"/>				17. Tarikh Kelahiran/Date of Birth <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> <small>Hari/Day      Bulan/Month      Tahun/Year</small>	
18. Alamat/Address <input style="width: 100%;" type="text"/>					
19. Keturunan/Race <input style="width: 100%;" type="text"/>		20. Pekerjaan/Occupation <input style="width: 100%;" type="text"/>		21. Pendidikan/Education <input style="width: 100%;" type="text"/>	
22. Taraf Pemastautin/Resident Status					
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/ Malaysian	<input type="checkbox"/> Pemastautin Tetap/ Permanent Resident	<input type="checkbox"/> Pemastautin Sementara/ Temporary Resident	<input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/ Not a Citizen of Malaysia	<input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/ Not Yet Determined	
23. Agama/Religion					
<input type="checkbox"/> Islam/Islam	<input type="checkbox"/> Kristian/Christian	<input type="checkbox"/> Buddha/Buddhist	<input type="checkbox"/> Hindu/Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan..... Others, please specify.....	
24. Taraf Perkahwinan/Status of Marriage			25. Tarikh Perkahwinan/Date of Marriage		
<input type="checkbox"/> Tidak Berkahwin/ Not Married		<input type="checkbox"/> Berkahwin/ Married	<input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/>	<input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/>	<input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/>
			<small>Hari/Day</small>	<small>Bulan/Month</small>	<small>Tahun/Year</small>
<b>D. MAKLUMAT BAPA/INFORMATION OF THE FATHER</b>					
26. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width: 100%;" type="text"/>			27. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width: 100%;" type="text"/>		
28. Nama Penuh/Full Name <input style="width: 100%;" type="text"/>				29. Tarikh Kelahiran/Date of Birth <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> <small>Hari/Day      Bulan/Month      Tahun/Year</small>	
30. Keturunan/Race <input style="width: 100%;" type="text"/>		31. Pekerjaan/Occupation <input style="width: 100%;" type="text"/>		32. Pendidikan/Education <input style="width: 100%;" type="text"/>	
33. Taraf Pemastautin/Resident Status					
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/ Malaysian	<input type="checkbox"/> Pemastautin Tetap/ Permanent Resident	<input type="checkbox"/> Pemastautin Sementara/ Temporary Resident	<input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/ Not a Citizen of Malaysia	<input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/ Not Yet Determined	
34. Agama/Religion					
<input type="checkbox"/> Islam/Islam	<input type="checkbox"/> Kristian/Christian	<input type="checkbox"/> Buddha/Buddhist	<input type="checkbox"/> Hindu/Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan..... Others, please specify.....	

<b>E. MAKLUMAT PEMBERITAHU/INFORMATION OF THE INFORMANT</b> (Untuk diisi jika pemberitahu bukan bapa/ibu kanak-kanak/To be filled in if the informant is not the father/mother of the child)	
35. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width: 100%; height: 15px;" type="text"/>	36. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width: 100%; height: 15px;" type="text"/>
37. Nama Penuh/Full Name <input style="width: 100%; height: 15px;" type="text"/>	
<b>F. PENGESAHAN IBU, BAPA atau PEMBERITAHU/CONFIRMATION OF MOTHER, FATHER or INFORMANT</b> (Ditandatangani di hadapan Pendaftar/Signed before the Registrar)	
Bahawasanya saya/I..... (Ibu/Bapa/Pemberitahu) dengan ini mengaku bersetuju dan bertanggungjawab terhadap segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah betul dan benar. (Mother/Father/Informant) hereby make a declaration agreeing to and assuming responsibility for all information provided in this form as correct and true.	
No. Telefon/Phone No. : <input style="width: 150px; height: 15px;" type="text"/> E-mel/E-mail : <input style="width: 150px; height: 15px;" type="text"/> Tarikh/Date : .....	..... Tandatangan/cap ibu jari kanan Signature/right thumb print
<b>G. PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 13/APPLICATION UNDER SECTION 13</b> (Ditandatangani di hadapan Pendaftar (jika berkenaan)/Signed before the Registrar (if applicable))	<b>H. AKUAN PENERIMAAN SIJIL/ACKNOWLEDGEMENT OF RECEIPT OF CERTIFICATE</b>
Bahawasanya kami,/We, ..... (Nama penuh ibu dan tandatangan/mother's full name and signature) dan/and ..... (Nama penuh orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak dan tandatangan/The full name of the person acknowledging himself to be the father and signature) bersetuju untuk memasukkan maklumat bapa mengikut seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 agreed to insert the father's information according to section 13 of Births and Deaths Registration Act 1957	Nama Penerima/Name of the Recipient: ..... No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No.: ..... Tandatangan/Signature : ..... Tarikh/Date : .....
<b>I. TARAF KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK KETIKA KELAHIRAN (UNTUK DIISI OLEH PENDAFTAR)</b> <b>CITIZENSHIP STATUS OF THE CHILD UPON BIRTH (TO BE FILLED BY REGISTRAR)</b>	
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/Malaysian <input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/Not a Citizen of Malaysia <input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/Not Yet Determined	

<b>J. PENGESAHAN PENDAFTAR/VERIFICATION BY REGISTRAR</b>	<b>K. KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR/PENGUASA PENDAFTAR DECISION BY REGISTRAR GENERAL/SUPERITENDENT REGISTRAR</b>
<p>Dengan ini, saya mengesahkan maklumat kelahiran di atas/ <i>I hereby certify the information of birth as above</i></p> <p>.....</p> <p>Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar</i></p> <p>Tarikh/Date : .....</p>	<p>.....</p> <p>Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar General/Superintendent Registrar</i></p> <p>Tarikh/Date : .....</p>



<b>C. MAKLUMAT IBU/INFORMATION OF THE MOTHER</b>				
13. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	14. Jenis Dokumen Pengenalan /Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>			
15. Nama Penuh/Full Name <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>	16. Tarikh Kelahiran/Date of Birth <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> <small>Hari/Day      Bulan/Month      Tahun/Year</small>			
17. Alamat/Address <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>				
18. Keturunan/Race <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	19. Pekerjaan/Occupation <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	20. Pendidikan/Education <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		
21. Taraf Pemastautin/Residential Status				
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/ Malaysian	<input type="checkbox"/> Pemastautin Tetap/ Permanent Resident	<input type="checkbox"/> Pemastautin Sementara/ Temporary Resident	<input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/ Not a Citizen of Malaysia	<input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/Not Yet Determined
22. Agama/Religion				
<input type="checkbox"/> Islam/Islam	<input type="checkbox"/> Kristian/Christian	<input type="checkbox"/> Buddha/Buddhist	<input type="checkbox"/> Hindu/Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan..... Others, please specify.....
23. Taraf Perkahwinan/Status of Marriage <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	24. Tarikh Perkahwinan/Date of Marriage <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> <small>Hari/Day      Bulan/Month      Tahun/Year</small>			
<b>D. MAKLUMAT BAPA/INFORMATION OF THE FATHER</b>				
25. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	26. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>			
27. Nama Penuh/Full Name <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>	28. Tarikh Kelahiran/Date of Birth <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> / <input style="width: 20px; height: 15px;" type="text"/> <small>Hari/Day      Bulan/Month      Tahun/Year</small>			
29. Keturunan/Race <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	30. Pekerjaan/Occupation <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	31. Pendidikan/Education <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		
32. Taraf Pemastautin/Residential Status				
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/ Malaysian	<input type="checkbox"/> Pemastautin Tetap/ Permanent Resident	<input type="checkbox"/> Pemastautin Sementara/ Temporary Resident	<input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/ Not a Citizen of Malaysia	<input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/ Not Yet Determined
33. Agama/Religion				
<input type="checkbox"/> Islam/Islam	<input type="checkbox"/> Kristian/Christian	<input type="checkbox"/> Buddha/Buddhist	<input type="checkbox"/> Hindu/Hindu	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan..... Others, please specify.....
<b>E. MAKLUMAT PEMBERITAHU/INFORMATION OF THE INFORMANT</b>				
(Untuk diisi jika pemberitahu bukan bapa/ibu kanak-kanak/To be filled in if the informant is not the father/mother of the child)				
34. No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No. <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	35. Jenis Dokumen Pengenalan /Negara Pengeluar Type of Identification Document/Issuing Country <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>			
36. Nama Penuh/Full Name <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>				

<b>F. PENGESAHAN IBU, BAPA atau PEMBERITAHU CONFIRMATION OF MOTHER, FATHER or INFORMANT</b> (Ditandatangani di hadapan Pendaftar/Signed before the Registrar)		
Bahawasanya saya/I..... (Ibu/Bapa/Pemberitahu) dengan ini mengaku bersetuju dan bertanggungjawab terhadap segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah betul dan benar. <i>(Mother/Father/Informant) hereby make a declaration agreeing to and assuming responsibility for all information provided in this form as correct and true.</i>		
No. Telefon/Phone No. : <input type="text"/> E-mel/E-mail : <input type="text"/> Tarikh/Date : .....		Tandatangan/cap ibu jari kanan <i>Signature/right thumb print</i>
<b>G. PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 13/APPLICATION UNDER SECTION 13</b> (Ditandatangani di hadapan Pendaftar (Jika berkenaan)/Signed before the Registrar (if applicable))		<b>H. AKUAN PENERIMAAN SIJIL/ACKNOWLEDGEMENT OF RECEIPT OF CERTIFICATE</b>
Bahawasanya kami,/We, ..... (Nama penuh ibu dan tandatangan/mother's full name and signature) dan/and ..... (Nama penuh orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak dan tandatangan/The full name of the person acknowledging himself to be the father and signature)		Nama Penerima/The Name of the Recipient: ..... No. Dokumen Pengenalan/Identification Document No.: ..... Tandatangan/Signature : ..... Tarikh/Date : .....
bersetuju untuk memasukkan maklumat bapa mengikut seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 <i>agreed to insert the father's information according to section 13 of Births and Deaths Registration Act 1957</i>		Cap ibu jari ibu/ <i>Mother's thumb print</i> <input type="text"/> Cap ibu jari bapa/ <i>Father's thumb print</i> <input type="text"/>
<b>I. TARAF KEWARGANEGARAAN KANAK-KANAK PADA KETIKA KELAHIRAN (UNTUK DIISI OLEH PENDAFTAR)</b> <b>CITIZENSHIP STATUS OF THE CHILD UPON BIRTH (TO BE FILLED BY REGISTRAR)</b>		
<input type="checkbox"/> Warganegara Malaysia/Malaysian <input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia/Not a Citizen of Malaysia <input type="checkbox"/> Belum Ditentukan/Not Yet Determined		
<b>J. PENGESAHAN PENDAFTAR/VERIFICATION BY REGISTRAR</b>		<b>K. KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR/PENGUASA PENDAFTAR</b> <b>DECISION BY REGISTRAR GENERAL/SUPERITENDENT REGISTRAR</b>
Dengan ini, saya mengesahkan maklumat kelahiran di atas/ <i>I hereby certify the information of birth as above</i> ..... Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar</i> Tarikh/Date : .....		..... Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar General/Superintendent Registrar</i> Tarikh/Date : .....











D. PENGESAHAN PENDAFTAR <i>RETIFICATION BY REGISTRAR</i>	E. KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR/PENGUASA PENDAFTAR <i>DECISION BY REGISTRAR GENERAL/SUPERINTENDANT REGISTRAR</i>
<p>Dengan ini, saya mengesahkan maklumat kematian di atas. <i>I hereby certify the information of death as above.</i></p> <p>_____</p> <p>(Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar) <i>(Name, Signature and Official Seal of Registrar)</i> Tarikh/Date:</p>	<p>_____</p> <p>(Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar) <i>(Name, Signature and Official Seal of Registrar General/ Superintendent Registrar)</i> Tarikh/Date:</p>

## BORANG JPN.LM02-AM

**DAFTAR ANGGAPAN KEMATIAN  
REGISTER OF PRESUMED DEATH**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957  
Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019  
(Subseksyen 24A(2); Subkaedah 8(1))

*Births and Deaths Registration Act 1957  
Births and Deaths Registration Rules 2019  
(Subsection 24A(2); Subrule 8(1))*

No. Permohonan/ <i>Application No.</i>		
<b>A. MAKLUMAT SI MATI/<i>INFORMATION OF THE DECEASED</i></b>		
1. No. Dokumen Pengenalan/ <i>Identification Document No.</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		2. Jenis Dokumen Pengenalan/Negara Pengeluar <i>Type of Identification Document/Issuing Country</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>
3. Nama Penuh/ <i>Full Name</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		
4. Alamat Terakhir/ <i>Last Address</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		
5. Poskod/ <i>Postal Code</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	6. Bandar/ <i>City</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	
7. Negeri/ <i>State</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	8. Pekerjaan/ <i>Occupation</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>	
9. Tarikh Kelahiran/ <i>Date of Birth</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/> <small>Hari/Day / Bulan/Month / Tahun/Year</small>		10. Anggaran Umur Semasa Dianggap Mati/ <i>Estimated Age at Presumed Death</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/> <small>Tahun/Year    Bulan/Month    Hari/Day</small>
11. Jantina / <i>Sex</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/> <small>Lelaki/Boy    Perempuan/Girl    Ragu/Doubt</small>		12. Warganegara/ <i>Citizen</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>
13. Keturunan/ <i>Race</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>		14. Pekerjaan/ <i>Occupation</i> <input style="width:100%; height: 15px;" type="text"/>
15. Agama/ <i>Religion</i>		
<input type="checkbox"/> Islam/ <i>Islam</i>	<input type="checkbox"/> Kristian/ <i>Christian</i>	<input type="checkbox"/> Buddhist/ <i>Buddha</i>
<input type="checkbox"/> Hindu/ <i>Hindu</i>	<input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan..... <i>Others, please specify.....</i>	



<p>30. Poskod / <i>Postal Code</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> <td style="width: 20px; height: 20px;"></td> </tr> </table>							<p>31. Bandar / <i>City</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 100%; height: 20px;"></td> </tr> </table>	
<p>32. Negeri / <i>State</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 100%; height: 20px;"></td> </tr> </table>		<p>Saya membuatakuan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar dan betul /  <i>I hereby declare that all information given is true and correct</i></p> <p>.....</p> <p>Tandatangan atau cap ibu jari kanan / <i>Signature or right thumb print</i></p> <p>Tarikh / <i>Date</i> : .....</p>						
<p>33. Pekerjaan / <i>Occupation</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 100%; height: 20px;"></td> </tr> </table>								
<p>34. Hubungan Dengan Orang Yang Dianggap Mati /  <i>Relationship With The Person Who Is Presumed Death</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 100%; height: 20px;"></td> </tr> </table>								
<p>35. No. Telefon / <i>Phone No.</i></p> <table border="1"> <tr> <td style="width: 100%; height: 20px;"></td> </tr> </table>								
<p><b>E. PENGESAHAN PENDAFTAR / <i>VERIFICATION BY REGISTRAR</i></b></p>	<p><b>F. KEPUTUSAN PENDAFTAR BESAR / PENGUASA PENDAFTAR  <i>DECISION BY REGISTRAR GENERAL / SUPERITENDENT REGISTRAR</i></b></p>							
<p>Dengan ini, saya mengesahkan maklumat anggapan kematian di atas /  <i>I hereby certify the information of presumed death as above</i></p> <p>.....</p> <p>Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar  <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar</i></p> <p>Tarikh / <i>Date</i> : .....</p>	<p>.....</p> <p>Nama, Tandatangan dan Cop Pendaftar Besar / Penguasa Pendaftar  <i>Name, Signature and Official Seal of Registrar General / Superitendent Registrar</i></p> <p>Tarikh / <i>Date</i> : .....</p>							

## BORANG JPN.LM03

**SIJIL KEMATIAN  
DEATH CERTIFICATE**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957  
Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019  
(Seksyen 25; Subkaedah 6(2))

*Births and Deaths Registration Act 1957  
Births and Deaths Registration Rules 2019  
(Section 25; Subrule 6(2))*

No. Daftar/  
Register No.:

Kawasan Pendaftaran <i>Registration Area</i>		Pusat Pendaftaran <i>Registration Centre</i>	
<b>SI MATI/DECEASED</b>			
Nama Penuh <i>Full Name</i>			
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>	Umur <i>Age</i>	Jantina <i>Sex</i>	
Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain <i>Type and Other Identification Document No.</i>		Tarikh dan Waktu kematian <i>Date and Time of Death</i>	
Keturunan <i>Race</i>		Tempat Kematian <i>Place of Death</i>	
Alamat Terakhir <i>Last Address</i>			
<b>SEBAB DAN PENGESAH SEBAB KEMATIAN/CAUSE AND CERTIFIER OF THE CAUSE OF DEATH</b>			
Sebab Kematian <i>Cause of Death</i>			
Nama Pengesah <i>Name of Certifier</i>			
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>		Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain <i>Type and Other Identification Document No.</i>	
<b>PEMBERITAHU/INFORMANT</b>			
Nama <i>Name</i>			
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>		Jenis dan No. Dokumen Lain <i>Type and Other Document No.</i>	

Tarikh Pendaftaran <i>Date of Registration</i>	Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kematian <i>It is certified that the information above is as stated in Register of Death</i>
Catatan <i>Note</i>	<p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;"><b>PENDAFTAR BESAR KELAHIRAN &amp; KEMATIAN MALAYSIA REGISTRAR GENERAL OF BIRTHS &amp; DEATHS FOR MALAYSIA</b></p>

## BORANG JPN.LM03-AM

**SIJIL ANGGAPAN KEMATIAN**  
**CERTIFICATE OF PRESUMED DEATH**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957  
 Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019  
 (Seksyen 24B; Subkaedah 8(2))

*Births and Deaths Registration Act 1957*  
*Births and Deaths Registration Rules 2019*  
*(Section 24B; Subrule 8(2))*

No. Daftar/  
 Register No.:

Kawasan Pendaftaran <i>Registration Area</i>	Pusat Pendaftaran <i>Registration Centre</i>
<b>SI MATI/DECEASED</b>	
Nama Penuh <i>Full Name</i>	
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>	Jantina <i>Sex</i>
Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain <i>Type and Other Identification Document No.</i>	Tarikh Dianggap Mati <i>Date of Presumed Death</i>
Keturunan <i>Race</i>	
Alamat Terakhir <i>Last Address</i>	
<b>PERINTAH ANGGAPAN KEMATIAN/PRESUMPTION OF DEATH ORDER</b>	
Nombor Pendaftaran Kes <i>Case Registration Number</i>	
Mahkamah <i>Court</i>	
Tarikh Perintah Mahkamah <i>Date of Court Order</i>	
<b>PEMBERITAHU/INFORMANT</b>	
Nama <i>Name</i>	
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card No.</i>	Jenis dan No. Dokumen Pengenalan Lain <i>Type and Other Identification Document No.</i>

<p>Tarikh Pendaftaran <i>Date of Registration</i></p>	<p>Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Anggapan Kematian <i>It is certified that the information above is as stated in Register of Presumed Death</i></p>
<p>Catatan <i>Note</i></p>	<p>.....  <b>PENDAFTAR BESAR</b>  <b>KELAHIRAN &amp; KEMATIAN MALAYSIA</b>  <b>REGISTRAR GENERAL OF</b>  <b>BIRTHS &amp; DEATHS FOR MALAYSIA</b></p>

## BORANG JPN.LM05

**SIJIL KELAHIRAN  
